

**MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KETIGA BELAS
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : YB. Dato' Sri Haji Abdul Azeez bin
Abdul Rahim
[Baling]**

TARIKH : 12.06.2014 (KHAMIS)

NO. SOALAN : 74

Minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH** menyatakan apakah rancangan Kerajaan dalam memastikan keadaan jalan raya di kawasan Baling bertambah baik memandangkan terdapat jalan di kawasan kampung yang langsung tidak berturap dan kecil sehingga menyukarkan kenderaan untuk memasuki kawasan tersebut terutama sekali ambulans atau bomba sekiranya berlaku kecemasan.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, Kementerian sentiasa merancang dan telah pun membuat penambahbaikan dalam pelaksanaan projek Jalan Perhubungan Desa (dahulunya dikenali sebagai Projek Jalan Kampung). Penambahbaikan yang dibuat ini bertujuan untuk menaik taraf dan melebarkan jalan-jalan kampung sehingga 14 kaki maksima bagi membolehkan dua buah kenderaan berselisih.

Kerja-kerja menaik taraf dan pelebaran jalan-jalan kampung di kawasan Baling akan terus dilaksanakan oleh Kementerian mengikut keutamaan secara berperingkat-peringkat berdasarkan bajet yang diluluskan. Selain itu, kerja-kerja menaik taraf dan melebarkan jalan-jalan kampung juga tertakluk kepada rizab jalan sedia ada, perlu mendapat izin lalu daripada tuan tanah dan memberi faedah tidak kurang daripada 50 orang pengguna jalan raya.